



# UMP pupuk budaya kerja yang selamat dalam komuniti

Oleh: DR. NORAZURA ISMAIL

Pertumbuhan ekonomi Malaysia yang memberangsangkan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan kuantiti industri dalam pelbagai sektor dan setiap organisasi ini berperanan dalam memastikan persekitaran kerja yang sentiasa sihat dan selamat.

Tempat kerja yang selamat adalah gabungan tiga komponen penting melibatkan pekerja dan majikan, persekitaran dan perlakuan. Kegagalan menggabungkan komponen-komponen yang boleh mewujudkan bahaya dan risiko, yang mengakibatkan kemalangan, kecederaan dan kematian di tempat kerja.

Menyedari kepentingan amalan persekitaran kerja yang selamat, UMP menerusi Fakulti Pengurusan Industri (FIM) dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menganjurkan Seminar Developing and Sustaining Safety Culture in Malaysia (DSSCM 3) bertemakan *Optimizing Self-Regulation Practice Towards Preventing Emerging and Re-emerging Hazards* yang berlangsung di Hotel Zenith, Kuantan, Pahang pada 27 Mei 2014 yang lalu sebagai meneruskan usaha mengamalkan budaya kerja yang selamat di tempat kerja selaras dengan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia 2015 (OSH-MP 15).

Majlis perasmian penutup seminar

disempurnakan Ketua Pengarah Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH), Dato' Dr. Ir. Johari Basri yang mengarapkan agar seminar ini dapat dimanfaatkan dengan memberi input baharu dan pendedahan kepada peserta kepada isu-isu keselamatan dalam melaksanakan tuntutan kerja sehari-hari.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Mortaza Mohamed, seminar ini merupakan medium terbaik dalam mempromosikan budaya kerja selamat yang menyediakan *platform* penglibatan intelektual yang membina selaras dengan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia 2015 (OSH-MP 15).

“Dalam usaha membudayakan aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) ini UMP menganjurkan pelbagai program di peringkat universiti sehingga peringkat komuniti yang mencakupi penggunaan pelbagai pendekatan.

“UMP juga turut mengembangkan tenaga dengan pengamal-pengamal OSH dari organisasi luar termasuk Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Malaysia, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pelbagai industri terutamanya di sekitar Pantai Timur,” katanya.

Hadir sama dalam majlis, Profesor Dr.



Abdullah Ibrahim yang juga merupakan pengurus seminar DSSCM3 2014.

Penganjuran ini adalah manifestasi komitmen UMP untuk terus menggalakkan budaya keselamatan di Malaysia dengan menyediakan platform di mana isu-isu yang berkaitan OSH boleh dibincangkan melalui penglibatan intelektual yang membina.

Lebih menarik lagi, program ini mendapat pengiktirafan dari dua buah badan profesional iaitu Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Malaysia yang telah mengiktiraf mata CEP (*Continuous Education Program*) sebanyak 15 mata bagi program ini dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang telah mengiktiraf program ini sebanyak 20 mata CCD (*Contractor Continuous Development*).

Tambah beliau pengiktirafan ini memberi peluang kepada pengamal-pengamal dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di industri dan bukan industri mengumpul mata untuk memenuhi keperluan prosedur pembaharuan kompetensi masing-masing.

Topik-topik yang dibincangkan adalah komprehensif dengan mengetengahkan pelbagai isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan masa kini. Lebih 200 dalam kalangan peserta yang terdiri dalam kalangan pengamal OSH, ahli akademik, penyelidik dan perunding tersohor hadir dalam seminar ini.